

PROFIL PERSONALITI BAKAL CALON MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UKM: SUATU PERBANDINGAN ANTARA LELAKI DAN WANITA

Khaidzir Hj. Ismail
Khairil Anwar
Shaharuddin Ahmad
Jumali Hj. Selamat

Abstrak

Kajian ini cuba menganalisis profil personaliti pelajar yang mengikuti program kursus asas (N=165) yang membimbing mereka menjadi pemimpin pelajar masa hadapan. Kajian ini juga cuba membandingkan profil personaliti antara pelajar lelaki (N=103) dan pelajar wanita (N=62). Kajian ini menggunakan ujian personaliti 16PF. Hasil kajian menunjukkan terdapat 5 tret yang mengukur kepimpinan daripada 16 faktor personaliti iaitu tret berfikir berada pada sten 4 yang menunjukkan cara berfikir yang masih rendah dan didapati lelaki dan wanita pada sten yang sama; tret kestabilan emosi pada sten 5 yang menunjukkan tidak stabil dan didapati lelaki dan wanita juga pada sten yang sama; tret dominan pada sten 4 bagi perempuan dan sten 5 untuk lelaki dan ini menunjukkan lelaki lebih dominan dan tret kesedaran peraturan, lelaki pada sten 5 dan wanita pada sten 6 dan ini menunjukkan pelajar wanita lebih tinggi tahap kesedaran peraturan berbanding lelaki dan tret kepercayaan sendiri lelaki dan wanita sama-sama berada pada sten 4 yang menunjukkan kelebihan pada orientasi kelompok berbanding individu. Diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan asas pembinaan kecemerlangan kepimpinan pelajar untuk menuju ke arah yang lebih etik dan akademik.

Kata kunci : personaliti, profil, bakal calon,kepimpinan,dominan

Abstract

This study attempts to analyse students personality profile who attend the basic course programme (N=165) that guide them to become future student leader. This study also attempts to compare personality profile between male (N=103)

and female students (N=62). 16PF personality test was used on this study. The result showed that 5 trait of leadership measure from 16 personality factor that thinking trait is in stage 4 showing the thinking style still low and both male and female are in the same stage; emotional stabilized trait is show in stage 5 which not stable among the male and female; dominant trait is showed different stage 4 for the girl and stage 5 for the male and show they are more dominant; and regulation awareness trait, male in stage 4 and female in stage 6 are showed that female is higher in regulation awareness compare the male and self trust trait for male and female are same in the stage 4 meaning that more on group orientation proportionate the individual. Hopefully this research can be use for the basic creation of excellent student leadership to generate more ethnical and academic prone behaviour.

Keywords : *personality, profile, future candidate, leadership, dominant*

PENGENALAN

Kepimpinan bukanlah satu isu politik semata-mata, ianya adalah suatu perbincangan yang menyentuh tentang keperluan asas manusia untuk mencipta pola interaksi yang wajar antara individu dengan individu, individu dengan kumpulan dan antara kumpulan dengan kumpulan. Dalam pola interaksi ini ada sekumpulan manusia yang akan mengambil suatu peranan yang lebih berbanding yang lainnya untuk tujuan mengendalikan perhubungan sesuai dengan norma dan aturan yang berlaku. Menurut Ibrahim Mamat (1993) pemimpin adalah individu dalam sesuatu kumpulan yang diberi tanggungjawab mengarah dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat kumpulan itu. Ini bermakna kepemimpinan adalah proses mempengaruhi kegiatan kumpulan ke arah pencapaian sesuatu hasil yang telah dirancang. Selanjutnya, beliau berpendapat pemimpin mempunyai pengertian yang mendalam, di mana seseorang itu boleh mendorong pengikutnya untuk bekerja kuat bagi menghasilkan sesuatu yang agung.

Pemimpin adalah orang yang membantu dan bukan setakat orang yang boleh menaikkan semangat atau mengarah tetapi pemimpin juga pada asasnya adalah gabungan daripada sifat-sifat pengarah, pendorong dan pembantu. Dalam apa juga kegiatan yang dilakukan manusia tidak akan terlepas daripada isu kepemimpinan sama ada dalam rumah

tangga mahupun dalam organisasi yang bersifat lebih kompleks seperti kepimpinan dalam persatuan, kelab, perusahaan, pentadbiran universiti hingga kepada pengurusan dalam sesebuah negara.

Selanjutnya, salah satu isu yang patut diambil kira adalah persoalan kepimpinan. Tanggungjawab mempersiapkan barisan pelapis kepimpinan negara di masa hadapan adalah lebih berat berbanding mempersiapkan keperluan-keperluan infrastruktur yang berasaskan fizik-material. Hal ini disebabkan kepimpinan adalah berhubung dengan sosio-psikologis manusia yang abstrak, yang perlu dibentuk melalui proses pendidikan yang panjang sehingga dewasa. Kedewasaan berfikir dibentuk pula oleh proses sosial tertentu sama ada di dalam rumah tangga, sekolah mahupun sosial masyarakatnya. Kepimpinan tidak hanya memiliki sekumpulan ilmu seperti sains dan teknologi sahaja tetapi kepimpinan harus memiliki personaliti yang seimbang dan kesedaran spiritual yang tinggi sehingga dapat menjalankan fungsi kepimpinan yang adil dan bermoral untuk mencapai matlamat keadilan dan kesejahteraan sejagat. Unsur psikologis yang perlu dikembangkan adalah personaliti dan kepemimpinan. Mereka harus segera dipersiapkan sebagai bakal pemimpin yang mempunyai asas agama, berkeperibadian dan berwawasan (Zakariya Achmat, 2006; Collins, 2000).

Isu kepimpinan negara sepatutnya lebih ditumpukan kepada proses untuk melahirkan kepimpinan di masa hadapan yang bukan hanya ditumpukan pada isu politik kepartian semata-mata. Hogan et. al. (1994) menjelaskan pandangan ahli sains politik perkara asas yang menjadi persoalan manusia ialah “siapa yang akan memimpin atau memerintah”? Para psikologi pula mengatakan siapa yang kurang memasukkan semangat politik yang sebenar, maka mereka percaya persoalannya ialah “siapa yang patut memerintah”. Oleh itu, segala kegiatan dan program yang mengarah kepada persiapan untuk melahirkan kualiti keperibadian pemimpin harus disokong sepenuhnya kerana dalam proses kepimpinan aspek yang terpenting adalah kualiti seseorang sebagai pembuat keputusan. Isu yang perlu diberi penekanan untuk mempersiapkan kepimpinan pelajar di universiti adalah proses pembentukan kepimpinan. Organisasi kemahasiswaan di kampus universiti adalah termasuk dalam kerangka proses mempersiapkan perwatakan mahasiswa untuk menjadi pemimpin di masa hadapan.

Sebenarnya banyak aspek yang menentukan corak kepimpinan dalam organisasi kemahasiswaan. Umumnya terdapat enam ciri pemimpin yang baik seperti ditegaskan oleh George (2005) iaitu kejujuran dan keaslian, perasaan lucu, prihatin terhadap kesejahteraan orang lain, pemikiran positif, keinginan untuk berjaya dan prinsip keutamaan pengetahuan berbanding peraturan. Ciri ini sangat bergantung kepada personaliti seseorang khususnya personaliti pelajar yang ingin menjadi pemimpin. Bagi Fiedler (1976) faktor personaliti dalam kepimpinan adalah sesuatu yang sangat penting untuk diperhatikan. Situasi yang tidak menguntungkan kadang kala boleh membawa kepada kepimpinan yang berkesan jika didekati dengan cara yang sesuai atau dikendalikan oleh mereka yang mempunyai personaliti yang bersesuaian dengan situasi itu. Pemimpin yang berorientasikan tugas boleh memberi kepimpinan yang berkesan jika mereka berada dalam situasi yang paling menguntungkan atau tidak menguntungkan. Pemimpin yang permisif dan berorientasikan hubungan antara perseorangan pula lebih sesuai dengan situasi yang sentiasa sederhana (Aminuddin dan Mohd. Ali Kamaruddin, 1988). Justeru, keupayaan kepimpinan seseorang boleh diramal melalui analisis personaliti.

Personaliti sebenarnya berasal daripada perkataan Latin iaitu 'persona' yang bermaksud topeng. Berdasarkan asal usul perkataan ini, personaliti dapat disimpulkan sebagai sesuatu yang merujuk sifat luaran yang boleh diperhatikan (Wan Kader Wan Ahmad, 2000). Hal itu dilihat kerana terdapat ciri-ciri khas yang hanya dimiliki oleh seseorang sama ada yang memperlihatkan personaliti baik mahupun yang kurang baik. Misalnya, untuk membawakan personaliti yang jahat, rakus dan sebagainya sering ditopengkan dengan gambar gergasi sedangkan untuk perilaku yang baik, berbudi luhur, suka menolong atau berani berkorban ditopengkan sebagai seorang pahlawan. Maksud 'persona' berubah mengikut peredaran masa yang kemudiannya membawa pengertian terhadap ciri-ciri dan kualiti dalaman dan luaran seseorang (Habibah dan Noran Fauziah, 2006). Namun demikian, personaliti juga merangkumi aspek pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya.

Menurut Mohd Zuri Ghani et. al. (2008) kajian terhadap personaliti penting kerana ramai dalam kalangan masyarakat kita yang beranggapan bahawa pelajar yang pintar adalah lebih baik kelakuannya daripada

pelajar normal. Realiti sebenarnya tidaklah seperti yang dianggap kerana semua pelajar dalam sebuah bilik darjah mempunyai nilai baik yang hampir sama. Kepercayaan bahawa pelajar pintar adalah lebih baik daripada pelajar yang lain boleh mendorong amalan pelaksanaan yang tidak adil atau amalan negatif bagi pelajar lain. Oleh itu, setiap pelajar mempunyai hak yang sama untuk dihormati sebagai manusia dan menerima pengalaman dan pendidikan yang sewajarnya. Para guru sepatutnya memberi bimbingan dan layanan yang sama sesuai dengan ayat al-Quran dalam surah al-Hujuraat ayat : 49 yang bermaksud “*Sesungguhnya orang yang mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa*”.

Personaliti boleh dianggap sebagai variabel yang boleh meramal kepimpinan seseorang dalam sesebuah organisasi terutama kepimpinan pelajar dalam organisasi kemahasiswaan di kampus-kampus universiti (bandingkan Meng-long shih et. al. 2009 dan Puvarattanakul & Muenjohn, 2009). Mengenalpasti tret personaliti bakal calon pemimpin pelajar penting untuk membantu bagi melahirkan bakal pemimpin yang mantap dan mampu menghadapi pelbagai cabaran yang semakin kompleks pada masa hadapan.

Membicarakan tentang kepimpinan tentu sahaja akan melibatkan semua kegiatan atau aktiviti yang berkaitan dengan manusia dan kehidupannya. Ini termasuk hubungan manusia sesama manusia, hubungannya dengan lingkungan dan alam persekitarannya. Bagi S. Husin Ali (1977) pemimpin ialah orang yang memimpin orang lain atau kumpulannya melalui ideologi dan pengaruhnya untuk mencapai matlamat dan arah tuju masyarakatnya. Pemimpin berhak dan berkewajipan membantu, membimbing dan memimpin sesuai dengan kedudukannya dalam kelompok yang dianggotainya. Kepimpinan pula merupakan satu proses bagaimana individu atau pemimpin mendapat kerjasama dan bantuan daripada pengikutnya untuk mencapai sesuatu matlamat (Campbell et. al., 1983). Rubiah (1993) pula menjelaskan antara ciri-ciri kepimpinan terpuji itu termasuklah bersifat jujur, murah hati, suka memaafkan kesalahan orang lain, tidak sombong, suka mendengar teguran dan sentiasa menghormati pendapat orang lain. Justeru, untuk menjadi pemimpin dan melahirkan bakal pemimpin bukannya mudah malahan memerlukan komitmen yang tinggi,

pengetahuan dan kemahiran insaniah untuk memastikan mereka benar-benar menjadi pemimpin yang holistik.

Isu gender dalam kepimpinan sering dibicarakan baik dalam konteks sosio-budaya, sosio-psikologi mahupun sosio-agama. Stereotaip gender dalam kepimpinan terus mengalami penambahbaikan daripada sudut pandangan dan wacana. Pendidikan moden seakan memberikan peluang yang luas kepada setiap pelajar sama ada lelaki atau perempuan untuk menjadi pemimpin yang berwibawa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil bakal calon yang berasaskan perbezaan gender. Adakah terdapat perbezaan tret personaliti bakal calon Majlis Perwakilan Pelajar UKM antara pelajar lelaki dan wanita?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan alat ujian personaliti 16PF Edisi kelima yang direkabentuk oleh Cattell et.al., 1985 dalam Wan Kader Wan Ahmad, 2000. Kaedah ini banyak digunakan dalam bidang pekerjaan, kesihatan dan dunia pendidikan. Melalui ujian ini akan terlihat suatu profil yang komprehensif tentang tret-tret bakal calon pelajar yang akan menjadi peramal kepada pola-pola kepimpinan pelajar. Dalam kajian ini terdapat 16 tret personaliti yang diberi tumpuan.

1. Tret A : Kemesraan (Pendiam - Mesra) Skor Rendah - Suka bersendirian, kritikal, tidak mesra, tenang (Sizothymia). Skor Tinggi - Peramah, suka bergaul mesra, suka bekerjasama (Attretothymia)
2. Tret B : Berfikir (Konkrit - Abstrak) Skor Rendah - Pemikiran konkrit, kurang pintar (Lower Scholastic Mental Capacity) Skor Tinggi - Pemikiran abstrak, lebih bijak, pintar (Higher Scholastic Mental capacity)
3. Tret C : Kestabilan Emosi (Reaktif - Stabil) Skor Rendah - Emosi kurang stabil, senang dipengaruhi perasaan (Lower Ego Strength) Skor Tinggi - Emosi stabil, senang berhadapan dengan realiti (Higher Ego Strength)

4. Tret E : Dominan (Bekerjasama - Dominan) Skor Rendah - Rendah diri, patuh dan akur (Submissivemess) Skor Tinggi - Asertif, agresif, degil dan tidak bergantung (Dominance)
5. Tret F : Bersemangat (Serius - Girang) Skor Rendah - Waras, serius, berhati-hati (Desurgency) Skor Tinggi - Kurang serius, girang, bersemangat (Surgency).
6. Tret G : Kesedaran Peraturan (Tidak Patuh - Patuh) Skor Rendah - Kasual, tidak tegas, tidak mematuhi peraturan (Weaker Superego Strength) Skor Tinggi - Teliti, tabah, tenang, bersopan sanrun (Stronger Superego Strength)
7. Tret H : Keberanian Sosial (Segan - Berani) Skor Rendah - Pemalu, lemah lembut (Threctia) Skor Tinggi - gagah, spontan, tegas (Parmia)
8. Tret I : Kepekaan (Objektif - Sensitif) Skor Rendah - Tegas fikiran, realistik (Harria) Skor Tinggi - Sensitif, lemah-lembut, bergantung, tidak realistik (Premsia)
9. Tret L : Berwaspada (Menerima - Waspada) Skor Rendah - Jujur, boleh dipercayai, senang menyesuaikan diri (Alaxia) Skor Tinggi - Meragukan, susah ditipu, penuh curiga (Pretension)
10. Tret M : Keasyikan Berfikir (Praktikal - Imajinatif) Skor rendah - Praktikal, konvensional, berhati-hati (Praxemia) Skor Tinggi - Imajinatif, tidak begitu konvensional (Autia)
11. Tret N : Kerahsiaan (Berterus - Terang-Berhati-hati) Skor Rendah - Sentimental, semulajadi, lurus (Artlesness) Skor Tinggi - Sofistikated, tajam akal, pintar (Shrewdnes)
12. Tret O : Kerisauan (Tenang - Cemas) Skor Rendah - Yakin, tenang, tenteram (Untrouble dequacy Skor Tinggi - Cemas, khuatir, muram (Guilt Proneness)
13. Tret Q1 : Keterbukaan Kepada Perubahan (Tradisional - Terbuka) Skor Rendah - Konservatif, tradisional (Conservatism) Skor Tinggi - Liberal., kritikal (Radicalism)
14. Tret Q2 : Kepercayaan Kendiri (Kelompok - Individualistik) Skor Rendah - Berkumpulan, orientasi kepada kelompok (Group Adherence) Skor Tinggi. Berdikari, gemar membuat keputusan sendiri (Self-sufficiency)

15. Tret Q3 : Keteraturan (Toleransi - Disiplin) Skor Rendah - Mengikut kehendak sendiri, kasual (Low Integration) Skor Tinggi - Terkawal, disiplin diri, kompulsif (High Self-Concept Control)
 16. Tret Q4 : Ketegangan (Relaks - Tegang) Skor Rendah - Tenang, tenteram (Low Ergic Tension) Skor Tinggi - Tegang, risau, gelisah (High Ergic Tension)
- (Sumber Profil oleh Wan Kader Wan Ahmad, 2000).

Subjek kajian adalah daripada 165 bakal calon pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terdiri 103 pelajar lelaki dan 62 pelajar wanita. Analisis statistik ujian t digunakan bagi melihat perbezaan personaliti antara pelajar lelaki dan wanita. Keputusan kajian ini adalah berdasarkan dapatan analisis statistik deskriptif dan inferensi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan taburan subjek kajian yang terdiri daripada 165 bakal calon Majlis Perwakilan Pelajar UKM. Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang yang mewakili pelbagai fakulti, program, kursus, kolej kediaman, persatuan dan sebagainya. Mereka mewakili sebahagian kecil pelajar UKM yang terdiri daripada 103 pelajar lelaki atau 62.42% dan 62 pelajar wanita atau 37.58%. Hasil kajian mendapati jumlah taburan subjek antara pelajar lelaki dan wanita tidak seimbang. Keadaan ini berlaku disebabkan fitrah kejadian manusia itu sendiri yang mana kaum lelaki lebih berkeinginan untuk menjadi pemimpin daripada wanita.

Jadual 1 : Taburan subjek mengikut pembolehubah jantina

Pembolehubah Jantina	Bilangan	Peratusan (%)
Lelaki	103	62.42
Wanita	62	37.58
Jumlah	165	100

Jadual 2 menunjukkan analisis perbandingan tret personaliti responden. Menerusi analisis statistik ujian t didapati ada 5 tret

personaliti yang berbeza antara bakal calon pelajar lelaki dengan pelajar wanita. Pada tret G menunjukkan kesedaran peraturan ($t = -2.788$, $k < 0.05$), pada tret I menggambarkan kepekaan ($t = -2.493$, $k < 0.05$), pada tret L mempamerkan tahap berwaspada ($t = 2.016$, $k < 0.05$), pada tret Q2 memperlihatkan kepercayaan sendiri ($t = 2.162$, $k < 0.05$) dan pada tret Q3 menyentuh sikap keteraturan ($t = -2.186$, $k < 0.05$). Manakala pada tret A (kemesraan), tret B (berfikir), tret C (kestabilan emosi), tret E (dominan), tret F (bersemangat), tret H (keberanian sosial), tret M (keasyikan berfikir), tret N (kerahsiaan), tret O (kerisauan), Q1 (keterbukaan kepada perubahan) dan Q4 (ketegangan) tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar wanita.

Jadual 2 : Analisis perbandingan tret personaliti antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Faktor	Jantina	N	dk	Min	SP	t
Tret A	Lelaki	103	163	15.34	3.46	-386
	wanita	62		15.60	3.61	
Tret B	Lelaki	103	163	7.09	2.14	-306
	wanita	62		7.19	2.20	
Tret C	Lelaki	103	163	12.38	3.54	-.080
	wanita	62		12.42	4.27	
Tret E	Lelaki	103	163	10.64	2.90	-1.676
	wanita	62		11.45	3.19	
Tret F	Lelaki	103	163	11.23	3.68	0.808
	wanita	62		10.78	3.28	
Tret G	Lelaki	103	163	14.15	3.89	-2.788*
	wanita	62		15.74	2.86	
Tret H	Lelaki	103	163	11.09	4.53	-.613
	wanita	62		11.55	4.66	
Tret I	Lelaki	103	163	10.34	4.01	-2.493*
	wanita	62		11.92	3.83	
Tret L	Lelaki	103	163	12.25	3.01	2.016*
	wanita	62		11.26	3.17	

Tret M	Lelaki	103	163	9.19	4.14	1.114
	wanita	62		8.45	4.16	
Tret N	Lelaki	103	163	12.20	3.63	0.376
	wanita	62		11.98	3.64	
Tret O	Lelaki	103	163	12.88	3.36	0.273
	wanita	62		12.74	3.00	
Tret Q1	Lelaki	103	163	18.70	4.10	-0.881
	wanita	62		19.29	4.30	
Tret Q2	Lelaki	103	163	5.83	4.45	2.162*
	wanita	62		4.37	3.70	
Tret Q3	Lelaki	103	163	13.65	3.70	-2.186*
	wanita	62		14.85	2.93	
Tret Q4	Lelaki	103	163	7.59	3.54	0.668
	wanita	62		7.17	4.35	

$k^* < 0.05$

Selanjutnya, pembicaraan ini akan melihat perbandingan tret personaliti antara bakal calon pelajar lelaki dengan wanita yang telah dianalisis dengan menggunakan ujian t. Melalui kajian yang dijalankan, memperlihatkan analisis statistik yang berbeza pada tret G sebagai gambaran personaliti terhadap kesedaran peraturan. Menerusi analisis ini bakal calon bagi pelajar wanita memperlihatkan lebih teratur berbanding pelajar lelaki di mana min pelajar wanita (15.74) manakala min bagi pelajar lelaki (14.15). Dapatan ini menggambarkan sifat-sifat yang ada pada pelajar wanita lebih patuh berbanding pelajar lelaki. Sifat feminin sering menggambarkan keseriusan dalam setiap kegiatan yang dilakukan oleh kaum wanita manakala lelaki digambarkan lebih agresif berbanding wanita. Selain itu, didapati kaum wanita lebih serius bekerja berbanding lelaki. Dilihat daripada sudut kepuasan, kadang kala kaum lelaki mendapat kepuasan untuk melanggar peraturan sementara wanita lebih puas dapat mentaati peraturan.

Pada tret I yang menyentuh personaliti kepekaan juga mendapati ada perbezaan antara pelajar lelaki dan wanita. Perbezaan ini dapat dilihat melalui min bagi pelajar wanita (11.92) menunjukkan lebih tinggi berbanding min pelajar lelaki (10.34). Dengan itu, pelajar wanita

lebih peka berbanding lelaki. Keadaan ini menunjukkan pelajar wanita lebih memiliki sifat estetika berbanding lelaki. Wanita dengan sifat keibuannya mampu untuk memberikan kasih sayang yang lebih kepada seseorang berbanding lelaki. Kadang kala pemimpin wanita lebih peka daripada pemimpin lelaki, namun kepemimpinan wanita yang lebih peka juga boleh membawa kelemahan dalam kepimpinannya.

Pada tret L menunjukkan personaliti kewaspadaan. Kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan wanita. Min bagi pelajar lelaki (12.25) yang menunjukkan lebih tinggi daripada min pelajar wanita (11.26). Dengan itu, pelajar lelaki lebih bersifat mengesyaki daripada wanita. Dalam konteks kepemimpinan sememangnya lelaki lebih banyak membuat rival berbanding kaum wanita dan kaum lelaki juga sering mengadakan permusuhan berbanding wanita.

Seterusnya, dalam tret Q2 yang melihat personaliti kepercayaan sendiri juga terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan wanita. Min bagi pelajar lelaki (5.83) lebih tinggi berbanding min pelajar wanita (4.37). Analisis ini menunjukkan lelaki lebih individualistik berbanding wanita. Kaum wanita juga didapati lebih berorientasi berkumpulan. Hasil dapatan ini selari dengan sifat-sifat individualistik yang sering muncul kepada perilaku agresif. Bagaimanapun dalam banyak hal kaum lelaki lebih agresif berbanding wanita.

Dapatan yang menarik juga dapat dilihat daripada perbezaan pada tret Q3 yang menggambarkan tentang keteraturan. Analisis mendapati min bagi wanita (14.85) lebih tinggi berbanding min lelaki (13.65). Perbezaan ini menunjukkan wanita lebih teratur dan terurus berbanding lelaki. Ini ada kaitan dengan fitrah semulajadi manusia yang menunjukkan bahawa kaum wanita sangat suka dengan keindahan. Keindahan adalah identiti yang ada kaitannya dengan keteraturan. Manakala bagi lelaki walaupun menyukai keindahan tetapi sangat susah untuk melakukannya.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan profil personaliti mengikut jantina. Didapati ada enam tret yang dominan yang menunjukkan perbezaan antara bakal calon pelajar lelaki dan wanita iaitu tret A, E, G, I, L dan N, sementara tret-tret yang lain berada pada tahap yang sama. Pada tret A menunjukkan tahap kemesraan bagi pelajar lelaki terletak pada sten ideal iaitu sten 6 berbanding pelajar wanita yang berada pada sten 5. Dalam faktor ini tahap kemesraan bagi setiap

bakal calon hendaklah berada daripada sten 6 hingga 10. Perbezaan ini menunjukkan pelajar lelaki lebih mesra berbanding dengan pelajar wanita. Implikasinya, untuk menjadi pemimpin yang berjaya sikap mesra penting bagi memastikan para penyokong dan pengikutnya sentiasa setia dan bersama walau dalam apa juga keadaan yang dihadapi.

Jadual 3 : Perbandingan profil personaliti antara pelajar lelaki dengan pelajar wanita

Tret	Pelajar Lelaki	Pelajar Wanita
A	6	5
B	4	4
C	5	5
E	4	5
F	5	5
G	5	6
H	6	6
I	6	4
L	6	5
M	6	6
N	6	5
O	5	5
Q1	6	6
Q2	4	4
Q3	6	6
Q4	4	4

Skor bagi tret E menunjukkan pola personaliti dominan di mana pelajar wanita berada pada sten 5 yang ideal untuk bakal calon. Manakala lelaki berada pada sten 4 yang menunjukkan skor kurang ideal. Pada tret ini skor ideal yang dikehendaki adalah pada sten 5 hingga 7. Ini menggambarkan untuk menjadi seorang pemimpin harus memiliki tret yang terletak antara dominan dan kerjasama. Walau bagaimanapun, pemimpin harus memiliki tret dominan yang sederhana

untuk menunjukkan kekuatan keperibadian yang tidak mudah goyah untuk menghadapi pelbagai persoalan dan masalah. Pada sten 7 masih dianggap dominan sederhana yang membolehkan bekerjasama dalam pelbagai hal dengan kumpulan mereka.

Skor pada tret G menggambarkan kesedaran peraturan. Menerusi tret ini setiap pemimpin dikehendaki mempunyai tahap kesedaran peraturan berada pada sten 6 hingga 10 yang menunjukkan skala ideal. Batasan skor ini menggambarkan personaliti pemimpin yang ideal dan mampu mengikut peraturan dalam melaksanakan tanggungjawab kepimpinannya dalam organisasi. Hasil kajian menunjukkan pelajar wanita berada pada sten 6 manakala lelaki berada pada sten 5. Dengan itu, pelajar wanita mempunyai tahap kesedaran peraturannya lebih tinggi berbanding tahap kesedaran pelajar lelaki.

Tret I pula menggambarkan personaliti tentang kepekaan seseorang dengan tret ideal berada pada sten 5 hingga 6 yang membawa maksud kepekaan harus seimbang antara objektif dan estetik. Pemimpin yang ideal harus memiliki sifat objektif dan tidak pula terlalu mengikut perasaan. Namun bagi seorang pemimpin hendaklah memiliki kepekaan, estetika dan berperasaan kerana dalam melaksanakan roda kepimpinan, seorang pemimpin tidak boleh kaku dan hanya tertumpu kepada peraturan yang telah ditetapkan. Seorang pemimpin harus memiliki hati nurani yang bersih dan bertolak ansur dengan keadaan-keadaan tertentu yang kadang kala mengharuskannya mengambil keputusan di luar peraturan demi rasa kemanusiaan yang dilandasi oleh kasih sayang. Bagi tret ini pelajar lelaki berada pada sten 6 dan wanita pada sten 4. Dengan itu, bakal calon bagi pelajar wanita lebih tinggi tahap objektif kepimpinan berbanding pelajar lelaki. Namun bagi pelajar lelaki yang berada pada sten 6 menunjukkan lebih ideal kerana calon pelajar lelaki lebih menunjukkan suatu keadaan yang seimbang antara objektif dan estetik.

Seterusnya tret L memperlihatkan personaliti kewaspadaan dengan tret yang ideal bagi seorang pemimpin adalah pada sten 4 hingga 5. Sten ini menunjukkan sten yang sederhana dan seimbang antara penuh kepercayaan, tidak mensyaki dan menerima dengan lain keadaan waspada, mensyaki dan berjaga-jaga. Walau bagaimanapun kepimpinan lebih diharapkan pada sten yang sederhana ini, sehingga dapat memberikan apresiasi dan penghargaan atas kepercayaan tertentu

yang dilakukan oleh orang bawahannya. Bayangkan kalau seandainya pemimpin yang terlalu tinggi tingkat kewaspadaannya akan diikuti oleh rasa tidak mempercayai dan akan mengakibatkan perasaan buruk sangka. Kesannya, akan lebih banyak mengambil pekerjaan orang lain dilakukannya sendiri kerana tidak mempercayai orang lain. Sten 4 adalah sten yang menggambarkan sikap sederhana baik. Apabila seorang pemimpin berada pada sten 3 dan ke bawah maka berkecenderungan terjadinya penipuan dan pengkhianatan dalam organisasi. Hasil kajian ini mendapati profil bagi bakal calon wanita berada pada sten 5 manakala pelajar lelaki pada sten 6. Oleh itu, pelajar wanita berada pada sten ideal sementara pelajar lelaki berada pada tahap kurang ideal kerana menunjukkan tahap syak wasangka dan kecurigaan yang sederhana tinggi.

Bagi tret N menunjukkan pola personaliti kerahsiaan dengan sten 5 hingga 6 merupakan sten yang ideal bagi seseorang bakal calon. Sten rendah pada tret ini menunjukkan sikap berterus terang, tidak berpura-pura, tidak pandai mengambil hati manakala sten tinggi menunjukkan kuat berahsia, berhati-hati dan enggan memberi tahu. Dua kontinum di atas, menunjukkan pola personaliti yang ekstrim apabila berada pada sten yang rendah atau tinggi. Seorang pemimpin haruslah berada pada sten yang sederhana iaitu seorang pemimpin harus pandai mengendalikan diri untuk berterus terang atau sebaliknya. Dalam hal ini, pemimpin harus pandai berdiplomasi untuk mengungkapkan sesuatu permasalahan. Bayangkan apabila seorang pemimpin membuka rahasia negara kepada siapa sahaja kerana kejujurannya dan bayangkan pula seorang pemimpin dengan serta merta memarahi seorang karyawan di depan karyawan-karyawan yang lainnya. Sebaliknya, seorang pemimpin yang terlalu berahsia dan enggan memberi tahu, ia akan menjadi seorang pemimpin yang tidak mempunyai jiwa terbuka untuk menyampaikan maklumat yang seharusnya diketahui orang ramai. Pola ini akan membawa sikap nepotisme dan kronisme. Pada tret ini profil pelajar wanita berada pada sten lima dan pelajar lelaki pada sten enam. Dengan itu, pelajar wanita lebih berterus terang berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, pelajar lelaki dan wanita adalah berada pada sten sederhana yang menunjukkan sten yang sesuai untuk menjadi seorang bakal calon.

Di samping itu, kajian ini juga turut menyentuh tret yang kelihatan dominan seperti pada tret B, C dan Q2 tetapi pencapaian bagi pelajar

lelaki dan wanita berada pada sten yang sama. Misalnya, pada tret B pelajar lelaki dan wanita berada pada sten yang sama iaitu pada sten empat bermaksud tahap berfikir yang tidak ideal atau menggambarkan cara berfikir yang masih rendah untuk menjadi seorang pemimpin. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor perkembangannya yang masih belum dewasa dan matang yang rata-rata mereka berada pada usia remaja akhir. Sementara itu, pada tret C pula menggambarkan kestabilan emosi antara pelajar lelaki dan wanita berada pada tahap yang sama iaitu pada sten lima. Sten ini menggambarkan sten yang tidak ideal untuk pemimpin kerana sten ini menunjukkan ketidakstabilan emosi ataupun mudah menunjukkan reaksi emosional apabila berhadapan dengan hal-hal tertentu. Walau bagaimanapun, sten ini menunjukkan aras yang sederhana reaktif.

Akhirnya, pada tret Q2 menggambarkan kepercayaan sendiri. Tret yang ideal seharusnya berada pada sten enam hingga tujuh. Ini bererti seorang pemimpin harus memiliki sedikit orientasi kelompok, namun ia perlu mengutamakan sikap percaya kepada diri sendiri untuk melaksanakan sesuatu tugas. Walau bagaimanapun, tret ini dibatasi hanya dengan sten enam hingga tujuh yang masih menggambarkan keseimbangan antara keperluan pada kumpulan dan keyakinan diri sendiri. Apabila tret ini berada pada sten lapan pemimpin lebih cenderung kepada sifat individualistik yang akan melahirkan pemimpin yang autokratik. Kajian ini mendapati pelajar wanita dan lelaki berada pada tahap yang sama iaitu pada sten empat yang menunjukkan situasi yang tidak ideal bagi seorang pemimpin. Semakin rendah pencapaian pada tret ini menunjukkan ketidakmampuan seseorang melepaskan diri daripada kendali kumpulan atau dengan kata lain ia sangat bergantung dengan keputusan kumpulan. Padahal seorang pemimpin diharapkan memiliki kekuatan diri sendiri untuk menyelesaikan sesuatu masalah sebagai tanggungjawab bagi seorang pemimpin.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah suatu usaha mengenali dengan lebih dekat lagi ciri-ciri personaliti bakal calon pelajar UKM. Fakta-fakta dalam penyelidikan ini, memberi implikasi pemikiran bahawa kepimpinan adalah bukan milik

orang tertentu ataupun jantina tertentu, ianya membabitkan persoalan potensi kepimpinan. Jarang wanita lebih memiliki jiwa kepimpinan berbanding kaum lelaki. Fenomena ini bukan mustahil dan ia berlaku di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia. Maksudnya peranan kampus untuk memberi ilmu pengetahuan dan mempertajamkan minda berjalan dengan baik. Sama ada lelaki mahupun wanita mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang sama. Banyak perkara yang akan terjadi dan tidak mustahil suatu hari nanti wanita lebih mengungguli kepimpinan lelaki. Ini disebabkan wanita lebih tekun, rajin dan patuh untuk mengikuti proses pembelajaran di pusat-pusat pengajian berbanding lelaki.

RUJUKAN

- Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd. Ali Kamarudin Yusof, 1988. *Kepemimpinan PEMUDA UMNO : antara personaliti dan situasi*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Campbell, R.E., Corball, J.E., dan Nystrand, R.O. 1983. *Introduction to educational administration*. 6th ed. Boston : Allyn and Bacon.
- Cattel, Raymond B., Eber, Herbert W. & Tatsuoka, Maurice M., 1985 . *Sixteen personality factor questionnaire (16 PF)*, Illionis, Institute For Personality and Ability Testing, Inc.
- Collins M. 2000. *Personality and political leadership explored: Richard Nixon and the family assistance plan*, Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University.
- Fiedler, Fred E. 1976. *Improving leadership effectiveness the leader match concept*. New York : Wiley.
- George, M. D. 2005. *Personal Characteristics Of Leaders, What works, what matters, what lasts*, Volume IV. <http://www.pkal.org/page.cfm?page=4158> (20.07.2010)
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. 2006. *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasbi Ashshiddiqi (Peny). 1992. *Al-Quran dan Terjemahannya*. Medinah : Kadim al-Harramah Departmen dan Wakaf Saudi Arabia.

- Hogan, Robert, Curphy, Gordon J., and Hogan, Joyce. 1994. What We Know About Leadership: Effectiveness and Personality, *American psychologist*, June 1-33
- Ibrahim Mamat. 1993. *Kepemimpinan sekolah : teori dan praktis*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Meng-long shih. 2009. The study of the correlation among personality traits, leadership competence and organizational performance, *wseas transactions on business and economics*, 6 (1) : 11-20
- Mohd Zuri Ghani et al. 2008. Perbezaan personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik (pca) berdasarkan gender, *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 23; 111-122.
- Puvarattanakul, Supaporn dan Muenjohn, Nuttawuth. 2009. Leadership personality traits and satisfaction, Effectiveness and productivity, *International conference on business and information (BAI)*, 5(1) : PAPER 1505
- Rubiah Kulop Hamzah. 1993. *Remaja dan kepimpinan persatuan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Husin Ali. 1977. *Masyarakat dan pemimpin kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad. 2000. Profil personaliti sebagai asas perubahan tret personaliti dalam organisasi, *Jurnal PERKAMA* 8: 101-136
- Zakarija Achmat. 2006. Efektifitas pelatihan pengembangan kepribadian dan kepemimpinan dalam meningkatkan kepercayaan diri mahasiswa baru UMM Tahun 2005/2006, *Humanity*, 1 (2) : 117-121.

Khaidzir Hj. Ismail (Prof. Madya Dr.)
Pusat Perkembangan Pelajar,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.
Tel : 03-8921 5097

Khairil Anwar (Encik)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.

Shaharuddin Ahmad (Prof. Dato' Dr.)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.
Email : shah@ukm.my

Jumali Hj. Selamat (Dr.)
Pusat Perkembangan Pelajar,
Aras 5, Bangunan PUSANIKA,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Tel : 03-8921 4687
Email : jumali@ukm.my